

03 OCT 1997

MASALAH MATAWANG: JANGAN GELABAH ATAU PANIK, KATA PERDANA MENTERI

Oleh: Syed Jamil Jaafar

MONTEVIDEO, 3 Okt (Bernama) -- Masalah ekonomi yang dihadapi Malaysia akibat serangan terhadap matawangnya boleh diatasi dan rakyat tidak harus gelabah dan panik, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada hari Khamis.

"Jika kita berdisiplin dan tahu membawa diri, kita boleh mengatasi masalah ini," kata beliau kepada wartawan Malaysia yang meliputi lawatannya ke Uruguay.

Kerajaan sedang mengumpul maklumat mengenai kesan-kesan penurunan matawang ringgit dan kejatuhan di pasaran saham terhadap ekonomi negara dan rakyat jelata untuk mengatur langkah-langkah perlu bagi menangani masalah yang dihadapi.

Kepada ahli-ahli perniagaan yang kebimbangan, Perdana Menteri berkata mereka hendaklah tengok kepada rekod prestasi kerajaan setakat ini yang telah berjaya membangunkan negara dan membolehkan mereka menjadi kaya.

Katanya negara-negara Amerika Latin yang pernah menghadapi masalah ekonomi yang teruk dengan kadar inflasi sehingga 1,000 peratus kini masih wujud dan tidak lenyap.

Dr Mahathir berkata ini bukan kali pertama negara menghadapi masalah.

Pada 1973 Malaysia mengalami krisis kerana harga minyak yang tinggi dan pada 1985-86 mengalami kemelesetan ekonomi tetapi berjaya mengatasi kedua-dua masalah itu.

Dr Mahathir berkata dakwaan bahawa apa yang telah berlaku di Malaysia dan negara-negara Asia Tenggara yang lain adalah akibat "fundamentals" (asas-asas ekonomi) yang lemah sebenarnya tidak kena mengena dengan "fundamentals."

"Ini bukan soal fundamentals, ini soal tekanan... soal mendapat wang daripada orang yang ada wang. Kalau (kita) tidak ada duit, dia tak kacaulah. (Percayalah) mereka yang tidak ada duit sekarang ini, apabila dah naik esok akan hadapi tekanan yang sama," kata beliau.

Perdana Menteri berkata ada cadangan dibuat bahawa untuk mengatasi masalah yang Malaysia hadapi sekarang, sudah sampai masanya kepemimpinan negara ditukar.

"Ini satu usaha untuk memecahbelahkan kita," kata beliau sambil menyebut sebagai contoh satu usaha untuk menimbulkan ketegangan antara Malaysia dan Indonesia yang dilakukan oleh pihak tertentu.

Pihak itu bertanyakan kepada Gabenor Bank Negara Indonesia berkali-kali apakah pendapatnya mengenai beliau (Dr Mahathir).

Tujuan soalan itulah supaya gabenor itu berkata "ya, ini orang jahat" tetapi gabenor berkenaan tidak berkata demikian.

Ditanya apakah reaksi ataupun tindak-balas antarabangsa terhadap ucapan-ucapan beliau kebelakangan ini yang dianggap provokatif terutama yang mengesyorkan pemberhentian dagangan matawang, Dr Mahathir berkata setiap kali beliau buat ucapan, maka akan ada tekanan ke atas ringgit menyebabkan nilainya jatuh.

"Soalnya apakah kita akan tunduk kepada tekanan mereka?" kata beliau.

"Ini bukan tekanan daripada kerajaan tetapi daripada orang perseorangan yang bukan dipilih oleh sesiapa sedangkan kita adalah sebuah negara merdeka yang mempunyai kerajaan dipilih oleh rakyat.

"Jadi apakah kita akan gugurkan kemerdekaan kita kerana kita ingin tunduk kepada orang lain?

"Apa maknanya kemerdekaan atau demokrasi kalau pemimpin yang dipilih

secara demokratik terpaksa menyembah orang asing?"

Dr Mahathir berkata mungkin ada orang berkata tidak apalah Malaysia menyembah asalkan ringgit tidak turun nilainya.

Tetapi ini belum tentu, kata beliau, kerana jika dilihat pada awalnya Malaysia tidak berbuat apa-apa dan beliau pula tidak pernah berkata sepatah pun terhadap Soros, tetapi pihak-pihak berkenaan melakukan juga perbuatan yang menjejaskan ekonomi Malaysia.

Perdana Menteri berkata Malaysia perlu mengatasi sendiri masalah yang dihadapinya dengan mengamalkan disiplin dan melaksanakan tindakan-tindakan yang tertib.

Ia tidak harus terbawa-bawa dengan hujah orang lain, misalnya bahawa ucapan-ucapan beliau (Dr Mahathir) tidak berguna dan menyusahkan orang.

"Kalau ada yang hendak sembah orang, sembahlah. Saya tak sanggup. Kita sudah berusaha begini banyak untuk menebus maruah kita dan memerdekakan negara kita, apakah kita hendak gadaikan maruah dan kemerdekaan dengan begitu sahaja."

Dr Mahathir berkata Malaysia akan terus menyuarakan pendapatnya di forum-forum antarabangsa dan ia mungkin berkesan, mungkin tidak.

Bagaimanapun jika tidak berkesan, percayalah bahawa semua negara membangun akan dibelasah (oleh spekulator dan manipulator matawang), kata beliau.

Diajukan andaian bahawa banyak negara dunia ketiga menyokong Malaysia tetapi tidak berani bersuara, Dr Mahathir berkata mereka tidak boleh dimarahi kerana mereka terhutang budi kepada pihak tertentu dan dikilas tangan.

Malaysia juga dicuba untuk dikilas tangannya supaya tunduk kepada orang tetapi ini terpulanglah kepada rakyat sama ada mahu membenarkannya atau tidak.

Bagi rakyat Malaysia, masalah yang dihadapi boleh diatasi jika tidak gelabah kerana masalah matawang bukanlah kali pertama berlaku dalam dunia.

Dr Mahathir berkata matawang British pound pernah jatuh tetapi kini lebih mahal daripada dahulu sementara dollar Amerika, yang dahulu bersamaan RM3, jatuh kepada RM2.50 dan kini naik balik, adalah tidak stabil.

Perdana Menteri berkata negara telah mengatasi banyak masalah ekonomi misalnya masalah kenaikan tinggi harga minyak pada 1973 yang menyebabkan kadar inflasi menjangkau 17 peratus.

Pada 1985 disebabkan kejatuhan pasaran hartanah, banyak orang menjadi bankrap.

"Kita dapat atasi semua ini walaupun orang kata kita bodoh dan tak tahu mentadbir negara dan sepatutnya ikut sahaja.

"Kononnya patut ada 'herd instinct' (bertindak mengikut kumpulan)...dalam dunia sekarang ini kita kena ikut kumpulan, macam kerbau. Saya ingat tak payahlah sampai jadi kerbau," kata beliau. -- BERNAMA

SJ RON NMO MFJ